



Ruj Tuan :  
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-1/1/1 Jld.2(23)  
Tarikh : 11 November 2016

## SENARAI EDARAN

YS Dato' / Tuan,

### **PENGUATKUASAAN PEMASANGAN PAPAN TANDA LALUAN JENTERA BOMBA BERDASARKAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2013 : GARISPANDUAN BERKAITAN KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI AKSES PERKAKAS BOMBA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 8 Tahun 2013 rujukan JBPM/IP/BKK:700-1/1/1(52) bertarikh 20 Januari 2014 adalah berkaitan.

2. Memaklumkan bahawa pihak YS Dato' / Tuan dikehendaki menguatkuasakan Perintah Tetap Ketua Pengarah tersebut ke atas premis-premis berkenaan pemasangan 'Papan Tanda Laluan Jentera Bomba' di negeri masing-masing, dengan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- 2.1 Tindakan penguatkuasaan terhadap semua premis ditetapkan (*designated premises*) dengan kos ditanggung oleh pemilik premis tersebut. Penguatkuasaan tersebut juga boleh dibuat kepada premis-premis lain yang difikirkan sesuai.
- 2.2 Mengadakan satu (1) sampel 'Papan Tanda Laluan Jentera Bomba' dalam bentuk mudah alih di setiap balai bomba dengan menggunakan peruntukan kewangan sedia ada, seperti mana dalam Rajah 4 di muka surat 8 Perintah Tetap Ketua Pengarah tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan sekali lagi salinan Perintah Tetap Ketua Pengarah tersebut untuk memudahkan rujukan YS Dato' / Tuan. Perhatian dan kerjasama YS Dato' / Tuan dalam perkara amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**'CEPAT DAN MESRA'**



**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1 Malaysia: Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)**

Penolong Ketua Pengarah  
Bahagian Keselamatan Kebakaran  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

1. YS Pengarah JBPM Perlis
2. YS Pengarah JBPM Kedah
3. YS Pengarah JBPM Pulau Pinang
4. YS Pengarah JBPM Perak
5. YS Pengarah JBPM Selangor
6. YS Pengarah JBPM W.P Kuala Lumpur
7. YS Pengarah JBPM W.P Putrajaya
8. YS Pengarah JBPM Negeri Sembilan
9. YS Pengarah JBPM Melaka
10. YS Pengarah JBPM Johor
11. YS Pengarah JBPM Pahang
12. YS Pengarah JBPM Terengganu
13. YS Pengarah JBPM Kelantan
14. YS Pengarah JBPM Sabah
15. YS Pengarah JBPM Sarawak
16. YS Pengarah JBPM W.P Labuan





## **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

---

### **PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2013**

---

#### **GARISPANDUAN BERKAITAN KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI AKSES PERKAKAS BOMBA**

Diedarkan kepada:

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah  
Semua Penolong Ketua Pengarah / Pengarah  
Semua Pengarah Negeri  
Semua Komandan  
Semua Penguasa Zon  
Semua Ketua Balai





**IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,  
62250 PUTRAJAYA.**

Telefon :603-88880036  
Faks :603-88880025  
Portal Rasmi :[www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail :bkkjbpm@bomba.gov.my



Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-1/1/1(52)  
Tarikh : 10 Januari 2014

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah  
Semua Penolong Ketua Pengarah / Pengarah  
Semua Pengarah Negeri  
Semua Komandan  
Semua Penguasa Zon  
Semua Ketua Balai

---

## **PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 8 TAHUN 2013**

---

### **GARISPANDUAN BERKAITAN KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI AKSES PERKAKAS BOMBA**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Garispanduan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar Jabatan berkaitan akses perkakas bomba iaitu seperti berikut:
  - 1.1.1 Menjelaskan kelebaran minima akses perkakas bomba bagi operasi kebombaan.
  - 1.1.2 Menjelaskan kelebaran dan ketinggian minima bagi premis yang mempunyai pos kawalan keselamatan

berpagar (gated and guarded community) di pintu masuk akses perkakas bomba.

1.1.3 Menentukan keperluan mengadakan garisan dan tulisan akses perkakas bomba di atas laluan berkenaan.

## 2. LATARBELAKANG

- 2.1 Keperluan atau kehendak mengadakan akses perkakas bomba jelas dinyatakan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 140, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS) 1984 di mana semua bangunan yang isipadunya melangkaui  $7000\text{m}^3$  perlu disediakan akses bagi laluan jentera bomba. Akses perkakas bomba akan membolehkan jentera bomba masuk di dalam kawasan premis untuk melaksanakan kerja-kerja operasi penyelamatan dan pemadamam serta menangani lain-lain kejadian kecemasan dengan lebih cekap dan berkesan.
- 2.2 Isu berhubung akses perkakas bomba juga berlaku di premis komersial dan taman-taman perumahan di mana laluan jentera bomba menjadi tidak sempurna berbanding dengan keperluan sebenar disebabkan halangan tertentu seperti binaan pondok pengawal, halangan pagar, dijadikan tempat letak kenderaan dan sebagainya.

### **3 TAFSIRAN DAN PERATURAN**

#### **3.1 UUK 140, UUKBS 1984**

Semua bangunan yang melebihi 7000 meter padu hendaklah bersempadan dengan jalan atau lebuh atau kawasan terbuka yang tidak kurang daripada 12 meter lebar dan boleh dimasuki oleh perkakas pasukan bomba. Kadar bangunan itu yang bersempadan dengan jalan, lebuh atau kawasan terbuka hendaklah mengikut skala di dalam jadual 1.

<b>Isipadu Bangunan Dalam Meter Padu</b>	<b>Kadar Minimum Perimeter Bangunan</b>
7000 hingga 28000	satu perenam
28000 hingga 56000	satu perempat
56000 hingga 84000	setengah
84000 hingga 112000	tiga suku
112000 dan ke atas	tapak pulau

Jadual 1: Keperluan akses perkakas bomba mengikut isipadu bangunan

#### **3.2 Piawaian Malaysia**

Piawaian Malaysia juga ada menyatakan berkaitan dengan akses jentera Bomba iaitu *Malaysian Standard (MS) 1489: Part 1: 1999- Fire Extinguishing Installations And Equipment: Part 1: Hydrant Systems, Hose Reels and Foam Inlets* yang berbunyi:-

*"Access roads may be common highways, private roads, footpaths or specially strengthened and defined routes through the surrounding terrain and should have a minimum width of 6 meter and be capable of carrying a pumping appliance with a 'laden weight' of 26 tonnes. Any bends in access roads should be able to accommodate an appliance having a minimum turning circle of 17 m diameter. Minimum clearance height should 4.6 m and any gates should have a width of 4 m in the clear and be openable from either side. Unless adequate turning facilities already exists a suitable means to enable fire appliance to turn round should be provided".*

- 3.3 Sebelum ini, Jabatan telah mengeluarkan beberapa siri arahan berkaitan dengan akses jentera bomba antaranya seperti berikut iaitu:-

**3.3.1 Arahan Ketua Pengarah 1985: Garis Panduan Bagi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984**

Penjelasan keperluan mengadakan akses perkakas bomba dan kelebaran minima iaitu 6 meter.

**3.3.2 Arahan Pencegah Bil 5/99: Mengadakan Garisan Akses Jentera Bomba di Premis-Premis.**

Arahan mematuhi keperluan mengadakan akses perkakas bomba dan mengadakan tulisan "**AKSES PERKAKAS BOMBA**". Perkataan akses perkakas bomba hendaklah diwarnakan kuning.

### **3.3.3 Arahan Ketua Pengarah 2005: Garis Panduan Bagi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984**

Penjelasan Berkaitan Dengan Keperluan Akses Perkakas Bomba UUK 140, UBBL 1984. Penjelasan berkaitan semua bangunan yang melebihi 7000 meter padu hendaklah bersempadan dengan jalan atau lebuh atau kawasan terbuka yang tidak kurang daripada 12 meter lebar adalah seperti berikut:

Bersempadan dengan jalan atau lebuh atau kawasan terbuka yang tidak kurang daripada 12 meter dan; boleh dimasuki oleh perkakas bomba.

## **4 KETETAPAN JABATAN**

### **4.1 Bagi premis komersial, Jabatan telah menetapkan keperluan-keperluan seperti berikut:-**

4.1.1 Semua bangunan yang melebihi 7000 meter padu hendaklah bersempadan dengan jalan atau lebuh atau kawasan terbuka yang tidak kurang daripada 6 meter lebar dan boleh dimasuki oleh perkakas pasukan bomba.

4.1.2 Mengadakan tulisan sebagai peringatan untuk mengosongkan Akses Jentera Bomba dengan menyediakan tulisan '**LALUAN JENTERA BOMBA – KOSONGKAN LALUAN**' untuk bangunan komersial sahaja. Perkataan akses perkakas bomba hendaklah berwarna kuning. Saiz dan kedudukan tulisan serta

jumlah tulisan yang perlu diadakan di atas permukaan akses perkakas bomba adalah seperti rajah 1. Manakala bagi kedudukan dan jumlah set tulisan yang perlu diadakan atas permukaan akses perkakas bomba adalah seperti dalam jadual 2, rajah 2 dan rajah 3.




Rajah 1: Keperluan mengadakan tulisan Akses Jentera Bomba dan spesifikasi mengikut ketetapan Jabatan

Isipadu Bangunan Dalam Meter Padu	Kadar Minimum Perimeter Bangunan	Jumlah Set Tulisan Yang Perlu Ada	Perletakan (Kedudukan)
7000 hingga 28000	Satu Perenam	1	Bahagian Hadapan Bangunan
28000 hingga 56000	Satu Perempat	1	Bahagian Hadapan Bangunan
56000 hingga 84000	Setengah	2	Bahagian Hadapan dan Belakang Bangunan
84000 hingga 112000	Tiga Suku	2	Bahagian Hadapan dan Belakang Bangunan
112000 dan ke atas	Tapak Pulau	3	Bahagian Hadapan, Belakang dan samada kiri atau kanan Bangunan

Jadual 2: Kedudukan dan jumlah tulisan yang perlu diadakan di atas akses perkakas bomba

Contoh 1:-



Rajah 2: Contoh keperluan mengadakan akses perkakas bomba

Contoh 2:-



Rajah 3: Contoh keperluan mengadakan akses perkakas bomba

**4.1.3 Memasang papan tanda di sebelah kiri atau kanan akses jentera bomba seperti rajah 4 dibawah iaitu:-**




Rajah 4: Gambar menunjukkan papan tanda akses jentera bomba.


**4.2 Bagi premis komersial dan perumahan yang mengamalkan konsep *gated and guarded* ditetapkan supaya kehendak-kehendak berikut dipatuhi iaitu:-**

**4.2.1 Keleaan jalanraya di sebelah kiri dan kanan pintu utama berhadapan pondok pengawal hendaklah tidak kurang dari 4 meter seperti rajah 5 dan rajah 6.**


**4.2.2 Bagi pintu masuk berpalang keleaan ketinggian hendaklah tidak kurang dari 4.6 meter diukur dari aras akses jentera bomba seperti rajah 7, samada dua atau satu hala keluar masuk (rujuk rajah 5 dan rajah 6). Kiraan 4 meter bermula dari halangan pertama pagar pos sehingga halangan minimum 4.6 meter keleaan tinggi.**



Rajah 5: Rajah menunjukkan bukaan kedua-dua pintu pagar minima adalah 4 meter.



Rajah 6: Rajah menunjukkan bukaan pintu pagar minima adalah 4 meter.



Rajah 7: Perincian pintu akses jentera bomba di kawasan pagar masuk.  
Kiraan 4 meter bermula dari halangan pertama pagar pos sehingga halangan minimum 4.6 meter kelebaan tinggi.

## **5. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 Arahan ini terpakai untuk premis komersial dan perumahan yang mengamalkan konsep “gated and guarded”.
- 5.2 Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh arahan ini ditandatangani.

## **6. PENUTUP**

Garis panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan bagi memudahkan pihak Jabatan mengawal dan memantau kelegaan akses atau laluan pasukan operasi kebombaan dalam usaha menyelamat dan memadam kebakaran di premis komersial dan kediaman. Ianya hendaklah dijadikan rujukan di dalam melaksanakan tugas berkaitan aspek-aspek keselamatan kebakaran dan perlindungan kebakaran termasuk penguatkuasaan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM)**

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : 13 Januari 2014

